



**MALAYSIAN JOURNAL OF LEARNING
AND INSTRUCTION**

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/mjli>

How to cite this article:

Zainal, M. Z., & Md. Noor, S. (2023). Strategi komunikasi pengajaran berpasukan secara maya dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa: Analisis video Youtube terpilih (*Virtual team teaching communication strategies in language teaching and learning: Analysis of selected Youtube videos*). *Malaysian Journal of Learning & Instruction*, 20(1), 175-203. <https://doi.org/10.32890/mjli2023.20.1.7>

**STRATEGI KOMUNIKASI PENGAJARAN
BERPASUKAN SECARA MAYA DALAM PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN BAHASA: ANALISIS VIDEO
YOUTUBE TERPILIH**

*(Virtual Team Teaching Communication Strategies in Language
Teaching and Learning: Analysis of Selected YouTube Videos)*

¹Muhammad Zuhair Zainal & ²Shuhaida Md Noor

¹Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan,
Universiti Sains Malaysia, Malaysia

²Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia, Malaysia

¹*Corresponding author: zuhair@usm.my*

Received: 28/10/2021 Revised: 4/10/2022 Accepted: 18/10/2022 Published: 10/1/2023

ABSTRAK

Tujuan – Kajian literatur mendapati bahawa elemen komunikasi amat penting bagi menjayakan proses pengajaran berpasukan dan pelbagai strategi komunikasi yang dipraktikkan oleh guru-guru ketika melaksanakan pengajaran berpasukan secara bersemuka di dalam bilik darjah. Namun begitu, belum terdapat perbincangan yang mendalam tentang strategi komunikasi pengajaran berpasukan secara maya, khususnya yang dilaksanakan secara penstriman langsung di YouTube. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal

pasti dan menganalisis tema strategi pengajaran berpasukan secara maya dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa oleh guru sekolah rendah (SR), sekolah menengah rendah (SMR) dan sekolah menengah atas (SMA), khususnya ketika mengendalikan PdP Bahasa Melayu. Kajian ini juga akan menjelaskan pola penggunaan strategi pengajaran berpasukan secara maya dalam PdP bahasa oleh guru SR, SMR dan SMA berpandukan tema dan subtema yang telah dikenal pasti.

Metodologi – Kajian kualitatif ini berbentuk kaedah tidak menonjol menggunakan teknik persampelan mudah. Sampel kajian ialah tiga video YouTube pengajaran berpasukan secara maya bagi mata pelajaran Bahasa Melayu yang mewakili SR, SMR dan SMA. Pemilihan tiga video YouTube tersebut dibuat berpandukan lima garis panduan penyediaan, penilaian dan pemerhatian pembelajaran bahasa di YouTube yang diperkenalkan oleh Alhamami. Perisian ATLAS.ti digunakan bagi membuat pemerhatian mudah dan analisis tematik. Proses analisis dilakukan melalui enam fasa, iaitu membiasakan dengan data, menjana kod awal, mencari tema, menyemak tema, menentukan dan menamakan tema, serta menyediakan laporan.

Dapatan – Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat tujuh tema strategi pengajaran berpasukan secara maya yang dipraktikkan oleh guru-guru, iaitu strategi membuat teguran, strategi memohon dan memberikan bantuan, strategi menarik perhatian pelajar, strategi mengawal situasi, strategi menyatakan penghargaan, strategi pengayaan maklumat dan strategi rendah hati.

Signifikan – Melalui kajian ini, guru-guru dapat memantapkan pengajaran berpasukan secara maya yang akan dilakukan oleh mereka pada pasca-Covid-19 nanti dengan mengaplikasikan ketujuh-tujuh tema strategi komunikasi tersebut.

Kata kunci: Strategi komunikasi, pengajaran berpasukan, pengajaran bahasa, pengajaran secara maya, bahasa Melayu.

ABSTRACT

Purpose – *The literature study found that the communication element is crucial for the success of the team teaching process and various*

communication strategies practised by teachers when implementing face-to-face team teaching in the classroom. However, there has not been in-depth discussions on virtual team teaching communication strategies, particularly those implemented via live streaming on YouTube. Accordingly, this study identified and analysed themes of virtual team teaching strategies in language teaching and learning (TnL) by language teachers at primary schools (PS), lower secondary schools (LSS) and upper secondary schools (USS). This study will also explain the pattern of use of virtual team teaching strategies in language TnL by PS, LSS and USS teachers based on identified themes and subthemes.

Methodology – *This qualitative study adopted an unobtrusive method using purposive sampling technique. The sample consisted of three YouTube videos on virtual team teaching for the subject, Bahasa Melayu that represented PS, LSS and USS. The selection of the three YouTube videos was made based on five guidelines for the preparation, evaluation, and observation of language learning on YouTube introduced by Alhamami (2013). ATLAS.ti software was used to perform simple observations and thematic analysis. The analysis process was conducted in six phases, namely familiarizing with the data, generating initial codes, finding themes, reviewing themes, determining and naming themes, and preparing reports.*

Findings – *The results identified seven themes of virtual team teaching strategies practised by teachers, namely reprimand strategy, request and provide assistance strategy, attract student attention strategy, situation control strategy, showing appreciation strategy, information enrichment strategy and humility strategy.*

Significance – *Teachers can strengthen virtual team teaching through this study by applying the seven themes in communication strategies which will be conducted during post Covid-19.*

Keywords: *Communication strategies, team teaching, language teaching, virtual teaching, Bahasa Melayu.*

PENGENALAN

Pandemik Covid-19 yang melanda dunia telah menyemarakkan kreativiti guru lagi semasa merencana strategi pengajaran secara

maya. Guru-guru di seluruh dunia telah memanipulasi media sosial yang ada bagi menjalankan pengajaran dan pembelajaran (Danjou, 2020). Media sosial yang bersifat percuma seperti Facebook, YouTube dan Twitter telah dijadikan gelanggang pengajaran bagi guru-guru. Di samping itu juga, guru-guru telah berkolaboratif sesama mereka untuk merancang dan melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang menarik dan berkesan (Rastegar Kazerooni et al., 2020).

Di Malaysia, guru-guru giat melakukan proses PdP secara maya, terutama dalam tempoh Pelaksanaan Kawalan Pergerakan. Terdapat komuniti guru yang menyediakan platform di Facebook dan YouTube untuk mengajar para pelajar. Apa yang menarik ialah terdapat komuniti guru yang mengajar secara berpasukan di YouTube. Perkara ini menarik untuk dikaji, terutamanya berkaitan dengan strategi komunikasi pengajaran berpasukan yang digunakan oleh guru-guru tersebut.

Pengajaran Berpasukan

Krisis pandemik Covid-19 menyebabkan guru-guru tidak mempunyai pilihan melainkan melakukan pengajaran berpasukan, sama ada berkolaboratif untuk mengajar para pelajar atau membuat penambahbaikan amalan pengajaran mereka (McKenzie et al., 2020). Pengajaran berpasukan ialah pendekatan pengajaran yang dirancang bersama-sama antara dua orang guru atau lebih. Pengajaran berpasukan digambarkan sebagai pengajaran kolaboratif dan pengajaran bersama-sama serta merupakan satu pendekatan pengajaran yang terbukti berkesan kerana guru-guru diberikan peluang untuk menjadi lebih kreatif dan menghasilkan pengetahuan yang baharu secara terancang. Mereka merancang untuk berkongsi idea, arahan dan penilaian kepada para pelajar (Frejd & Muhrman, 2020; Simons et al., 2020). Mereka juga berkongsi kepimpinan bilik darjah dan bersama-sama bertanggungjawab terhadap para pelajar (Walsh, 2020). Dalam pengajaran berpasukan, guru-guru mungkin boleh terdiri daripada bidang yang sama atau berbeza bidang dan tanggungjawab mereka juga mungkin berbeza ketika mengendalikan proses pengajaran tersebut, manakala dalam pengajaran bahasa, guru-gurunya mungkin boleh terdiri daripada penutur natif atau gabungan antara penutur natif dengan penutur bukan natif bagi bahasa yang diajar tersebut (Canaran & Mirici, 2020).

Pengajaran berpasukan boleh diamalkan oleh guru pelatih dan guru terlatih. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa terdapat banyak kelebihan pengajaran secara berpasukan. Simons et al. (2020) merumuskan bahawa pengajaran berpasukan dapat memberikan sokongan terhadap emosi dan kerjaya, meningkatkan aktiviti dialog atau perbincangan, meningkatkan ilmu dan kemahiran pedagogi, meningkatkan kemahiran membuat refleksi pengajaran, peningkatan keyakinan diri, mengatasi masalah kekurangan guru, meningkatkan keserasian antara rakan sekerja, mengatasi masalah kesukaran memberikan maklum balas dan pengurangan pengajaran secara individu. Melalui pengajaran berpasukan, sesi pembelajaran menjadi lebih dinamik dan kreatif, mudah dan menarik. Para pelajar dapat menjalani sesi pembelajaran dalam persekitaran inklusif dan positif kerana guru-guru dapat mengamalkan pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran. Di samping itu, kerjasama dan komitmen yang jitu antara guru dapat dijadikan contoh kepada para pelajar (Arxé et al., 2020).

Berdasarkan sorotan kajian lepas, terdapat banyak model pengajaran berpasukan (Baeten, & Simons, 2014), antaranya yang pertama ialah Model Pemerhatian; iaitu guru membuat pemerhatian terhadap guru lain di tempat kerja. Sebelum membuat pemerhatian, secara kerap guru-guru akan membuat perbincangan untuk mendapatkan persetujuan tentang maklumat pemerhatian yang akan dilakukan, seperti keberkesanan tingkah laku pengajaran, strategi komunikasi bersama-sama pelajar, sumber pengajaran yang digunakan dan sebagainya. Guru yang membuat pemerhatian biasanya tidak akan terlibat dengan pengajaran dan hanya menjawab soalan yang dikemukakan kepadanya.

Yang kedua ialah Model Bimbingan; iaitu guru yang membuat pemerhatian diberikan lebih tanggungjawab, seperti memberikan cadangan, bantuan, sokongan, perkongsian pengalaman dan pengetahuan kepada guru yang mengajar berdasarkan kepakaran yang dimilikinya. Dalam model pertama dan kedua ini, hanya seorang guru yang bertanggungjawab untuk melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran yang dirancang.

Yang ketiga ialah Model Pembantu Pengajar; iaitu seorang guru mengajar dan seorang lagi guru menjadi pembantu apabila diperlukan.

Bentuk bantuan yang diberikan adalah seperti membantu pelajar membuat latihan, menyemak tugas pelajar, mengurus sumber pembelajaran dan sebagainya. Untuk mencapai matlamat tersebut, perancangan secara kolaboratif antara guru dengan guru pembantu perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan supaya guru pembantu dapat mengetahui potensi kesukaran yang akan dihadapi oleh pelajar.

Yang keempat ialah Model Sama Taraf; model ini merujuk kepada pengajaran berpasukan yang mempunyai taraf yang sama. Model ini mempunyai tiga pecahan yang berbeza, iaitu pengajaran berurutan, pengajaran selari dan pengajaran stesen.

Dalam pengajaran berurutan, guru mengajarkan mata pelajaran yang sama kepada kumpulan pelajar yang sama dan mereka membahagikan topik atau aktiviti pembelajaran atas persetujuan bersama-sama. Semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran berlangsung, tidak semestinya perlu ada dua orang guru pada satu masa. Mereka boleh mengajar secara berasingan berpandukan topik atau aktiviti pembelajaran yang telah dibahagikan tersebut dan bertanggungjawab terhadapnya.

Dalam pengajaran selari, guru membahagikan para pelajar di dalam kelas menjadi kumpulan-kumpulan kecil dan mengajarkan kumpulan tersebut secara berasingan atau mengajar secara bergilir-gilir bagi setiap kumpulan kecil tersebut. Untuk menyesuaikan diri dengan gaya pembelajaran dan rentak pelajar, kedua-dua guru akan mengajarkan maklumat yang sama dan perancangan pengajaran akan dibuat bersama-sama.

Dalam pengajaran stesen, guru membahagikan isi atau aktiviti pembelajaran dan membahagikan para pelajar kepada kumpulan kecil. Setiap guru akan mengajarkan isi atau aktiviti pembelajaran tertentu dengan kumpulan kecil pelajar. Guru atau pelajar akan bergerak secara bergilir-gilir ke stesen yang berlainan di dalam kelas. Setiap stesen berpusat pada tema. Sama seperti pengajaran selari, perancangan pengajaran stesen akan dirancang bersama-sama oleh kedua-dua orang guru yang terlibat.

Model yang keempat ialah Model Berpasukan. Dalam model ini, guru perlu berkolaboratif dan berkongsi tugas secara adil ketika membuat

perancangan pengajaran, menyampaikan pengajaran dan membuat penilaian. Hal ini tidak sama daripada Model Sama Taraf kerana dalam model tersebut guru hanya bekerjasama dalam salah satu aspek yang dinyatakan di atas. Untuk melaksanakan model ini, guru-guru perlu berada di hadapan pelajar atau kelas dan mewujudkan sebanyak mungkin perbincangan dan interaksi bersama-sama para pelajar. Guru-guru boleh bergilir-gilir memimpin perbincangan; ketika seorang guru membuat penerangan kepada pelajar-pelajar, guru lain boleh membuat tunjuk cara atau mempamerkan bahan bantu mengajar dan sebagainya.

Meskipun pengajaran berpasukan mempunyai banyak kelebihan, terdapat juga sesi pengajaran berpasukan yang tidak berjaya. Antara penyebab kegagalan tersebut termasuklah kurang persefahaman antara guru (Rao & Chen, 2020), masalah peribadi dan berlainan budaya (Pearce, 2019), pihak sekolah tidak memberikan ruang yang secukupnya untuk guru mengatur strategi pengajaran berpasukan sebelum melaksanakan sesi pengajaran (Murawski, 2019), kurang pengetahuan dan kemahiran berkolaboratif atau kerja berpasukan (Dellicarpini, 2018), tidak cekap berbahasa dan berkomunikasi (Ng, 2015). Tidak ada jalan yang mudah untuk menyelesaikan masalah yang wujud dalam pengajaran berpasukan. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap masalah adalah unik. Oleh itu, setiap guru harus mencari keseimbangan antara konflik, kepercayaan dan nilai agar pengajaran berpasukan berjaya dilaksanakan (Pearce, 2019).

Berdasarkan pernyataan di atas, elemen komunikasi dilihat antara penyebab utama bagi kegagalan pengajaran berpasukan. Sememangnya elemen komunikasi amat penting dalam sesi pengajaran (Khan et al., 2017), sama ada dalam pengajaran berpasukan secara bersemuka ataupun secara maya. Komunikasi yang berkesan dan teratur sangat penting dalam pengajaran berpasukan secara maya (Scribner-MacLean & Miller, 2011). Guru-guru yang mengajar pelajar secara berpasukan perlu mempunyai pemahaman yang jelas terhadap peranan masing-masing supaya sebarang masalah yang akan berlaku ketika sesi PdP dapat diatasi dengan baik.

Oleh sebab mengajar secara berpasukan secara maya sangat mencabar, guru-guru perlu bersedia dan sentiasa mengamalkan komunikasi yang berkesan bagi menangani konflik dan masalah yang tidak dijangka

ketika sesi PdP dijalankan (Letterman & Dugan, 2004). Dalam pengajaran berpasukan secara maya, komunikasi dan fleksibiliti antara guru-guru dengan para pelajar merupakan salah satu kunci utama kejayaan bagi sesuatu sesi PdP. Sebagai contohnya, guru-guru harus kerap memeriksa penyertaan para pelajar dan berhubung dengan pelajar yang tidak aktif. Guru-guru perlu memastikan wujud interaksi yang ringkas dan teratur antara mereka supaya tidak berlaku pertindanan maklumat atau arahan kepada para pelajar. Di samping itu, guru-guru juga boleh meminta para pelajar memaklumkan perkara itu kepada mereka sekiranya terdapat sebarang ketidakaturan, seperti guru tidak menjawab pertanyaan pelajar, guru terlepas pandang untuk menyemak atau menilai hasil kerja pelajar dan sebagainya (Scribner-MacLean & Miller, 2011). Oleh sebab itulah, strategi komunikasi yang berkesan perlu diamalkan oleh guru-guru dalam pengajaran berpasukan secara maya.

Di Malaysia, kajian-kajian tentang strategi komunikasi dalam pengajaran hanya berfokus pada pengajaran secara bersemuka, seperti yang dijalankan oleh Ashinida Aladdin (2021), Krishnan et al. (2018), Pushparani (2015), Zulkifley Hamid et al. (2015), Sazwani Suhaimi et al. (2013). Kajian-kajian tersebut tidak melibatkan mata pelajaran Bahasa Melayu. Selain dalam bidang pendidikan, terdapat juga kajian strategi komunikasi penjenayah cinta siber terhadap wanita profesional (Khadijah Alavi et al., 2020), strategi komunikasi Rasulullah (Mohd Faizal Kasmani, 2019), strategi komunikasi dalam bidang perundingan makna (Rozita Che Omar & Jagdish Kaur, 2017) dan strategi komunikasi genre perbincangan di televisyen (Rohaidah Mashudi et al., 2013).

Strategi Komunikasi

Secara umumnya, terdapat banyak definisi strategi komunikasi yang diberikan oleh sarjana antaranya, strategi komunikasi merujuk kepada strategi linguistik dan bukan linguistik yang diperlukan oleh penutur untuk menutup kelemahan pengetahuan penutur tersebut ketika berkomunikasi (Ahmed & Pawar, 2018); percubaan secara sistematik yang dilakukan oleh penutur untuk menyampaikan makna secara tepat walaupun tidak menepati peraturan bahasa sasaran dan berdepan dengan beberapa kesukaran (Cohen, 2004; Dörnyei, 1995); proses perpindahan antara bahasa (Brown, 1994); strategi komunikasi mungkin suatu rancangan dalam sedar untuk menyelesaikan masalah

yang dihadapi untuk mencapai hasil komunikatif tertentu (Faerch & Kasper, 1983), strategi komunikasi ialah percubaan oleh dua orang penutur untuk bersetuju terhadap suatu makna dalam bahasa sasaran (Tarone, 1981).

Strategi komunikasi dalam pengajaran yang dikenal pasti dalam kajian-kajian yang lepas ialah strategi penukaran kod bahasa, strategi terjemahan literal, strategi penghampiran maksud dan penghampiran bunyi, strategi penciptaan perkataan baharu, strategi pengulangan, strategi rayuan kerjasama secara langsung, strategi pengelakan topik, strategi meninggalkan mesej (Ashinida Aladdin, 2021; Pushparani, 2015); meminta penjelasan, meminta pengesahan, ringkasan tafsiran, menyatakan ketidakfahaman, meminta pertolongan, (Krishnan, 2018); strategi kesantunan semasa berkomunikasi (Zulkifley Hamid et al., 2015); mencabar memberikan galakan dan pujian, sokongan bukan verbal, memahami dan peramah, serta mengawal (Sazwani Suhaimi et al., 2013). Walau bagaimanapun, bukan semua strategi komunikasi dapat diaplikasikan dalam sesi pengajaran kerana strategi ini bergantung kepada matlamat penggunaannya (Pushparani, 2015).

Berdasarkan hasil kajian lepas yang berkaitan dengan strategi komunikasi dalam pengajaran, terdapat lebih 21 jenis strategi komunikasi yang digunakan oleh guru-guru dalam sesi pengajaran. Namun begitu, kesemua strategi komunikasi tersebut berlaku dalam sesi pengajaran yang biasa diamalkan secara bersemuka di dalam bilik darjah bukannya secara berpasukan menerusi alam maya. Selain itu, kajian lepas menunjukkan bahawa penggunaan strategi komunikasi dalam kalangan guru berbeza jumlah dan coraknya, dan bergantung pada tahap pengalaman mengajar guru, tahap pengetahuan pedagogi (Rahmani Doqaruni, 2017), tahap kemahiran komunikasi yang dimiliki oleh seseorang guru (Duta et al., 2015), tugas, proses interaksi, matlamat komunikasi dan tahap kecekapan guru (Garcés & Olivera, 2014).

Sebagai contoh, kajian yang dijalankan oleh Rahmani Doqaruni (2017) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan corak penggunaan strategi komunikasi antara guru yang berpengalaman dengan guru yang kurang berpengalaman. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru yang kurang berpengalaman menggunakan banyak strategi komunikasi dan jenis penggunaannya agak sama dalam kalangan mereka, manakala guru yang berpengalaman kurang menggunakan

strategi komunikasi dalam sesi PdP (Rahmani Doqaruni, 2017). Corak ini menunjukkan tanda transformasi dalam kognisi guru dengan berdasarkan pengalaman mengajar yang dimiliki oleh mereka.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis tema strategi pengajaran berpasukan secara maya dalam PdP bahasa oleh guru sekolah rendah (SR), sekolah menengah rendah (SMR) dan sekolah menengah atas (SMA), khususnya ketika mengendalikan PdP Bahasa Melayu. Kajian ini juga akan menjelaskan pola penggunaan strategi pengajaran berpasukan secara maya dalam PdP bahasa oleh guru SR, SMR dan SMA berpandukan tema dan subtema yang dikenal pasti. Kajian ini akan dapat membantu guru-guru untuk memperkukuh strategi komunikasi mereka dalam pengajaran berpasukan secara maya sekali gus dapat merencanakan pengajaran berpasukan secara maya lagi, khususnya bagi mata pelajaran Bahasa Melayu.

METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah tidak menonjol (*unobtrusive method*). Kaedah tidak menonjol digunakan untuk melakukan penyelidikan tanpa mempengaruhi atau menghalang tingkah laku normal subjek kajian (Mateu Mateus, 2020) dan kaedah ini tidak memerlukan pelibatan secara langsung subjek kajian semasa memberikan maklumat (Lee, 2019).


Sampel kajian merupakan tiga video YouTube pengajaran berpasukan secara maya bagi mata pelajaran Bahasa Melayu yang sedia ada dalam Komuniti YouTube Guru-guru Malaysia, iaitu Akademik Youtuber yang mempunyai 20,000 video pengajaran dan kemudahan yang percuma, 2568 siaran langsung tuisyen percuma yang telah diterbitkan, 148 senarai audio video (*playlist*) subjek dan 10,000 ahli akademik berdaftar. Tiga video tersebut merupakan rakaman pengajaran secara maya yang telah dilakukan secara penstriman langsung (*live streaming*). Video-video yang terpilih tersebut juga mempunyai sekurang-kurangnya tiga ribu orang penonton dan mewakili pengajaran Bahasa Melayu untuk SR, SMR dan SMA.

Ketiga-tiga video YouTube tersebut dipilih bertujuan untuk memenuhi objektif kajian dan pemilihannya dibuat dengan menggunakan teknik

pensampelan bertujuan. Selain itu, pemilihan tiga video YouTube tersebut berpandukan lima garis panduan penyediaan, penilaian dan pemerhatian pembelajaran bahasa di YouTube yang diperkenalkan oleh Alhamami (2013), iaitu ciri-ciri video, daya tarikan, kejelasan, tindak balas dan kandungan. Ciri-ciri video ialah yang berkaitan dengan bahagian teknikal seperti kualiti suara, kualiti gambar, durasi masa dan tanda pagar (*tag*) yang digunakan. Daya tarikan pula perlu merujuk kepada persoalan yang menyentuh tentang motivasi, kegelisahan, kerelevanan dan tarikan emosi, manakala kejelasan berhubung kait dengan persiapan guru, bahasa badan, kelajuan suara dan bahan pengajaran. Aspek tindak balas pula ialah guru-guru perlu memastikan laman web YouTube yang disediakan mereka mudah untuk dipelajari dengan cara menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh para pelajar, memberikan penerangan terhadap sebarang masalah yang timbul, memantau komen-komen yang diberikan dan memadam komen-komen yang tidak bermoral serta lain-lain lagi. Yang terakhir ialah kandungan, iaitu yang berkaitan tentang maklumat video yang disediakan seperti tajuk, pengenalan, penilaian dan kesimpulannya. Selain itu, penyediaan objektif pembelajaran pada awal video dan penggunaan bahan autentik juga merupakan sebahagian daripada kandungan.

Rajah 1

Antara Muka Workbench ATLAS.ti bagi Penyelidikan ini



Kaedah pemerhatian mudah digunakan untuk menganalisis kesemua video YouTube yang terpilih dan kaedah ini merupakan sebahagian daripada kaedah tidak menonjolkan (Kellehear, 2020). Pengkaji telah menonton dan membuat pemerhatian mudah terhadap video tersebut secara berasingan melalui perisian ATLAS.ti. Pengkaji juga menyediakan transkrip teks audiovisual dan nota pemerhatian. Jadual 1 memaparkan antara muka *workbench* ATLAS.ti bagi penyelidikan ini.

Melalui perisian ATLAS.ti, pengkaji telah menganalisis video-video dengan menggunakan analisis tematik. Analisis ini diguna pakai oleh pengkaji dengan tujuan untuk mengenal pasti dan membentuk tema serta subtema (S. Maartandan Suppiah et al., 2021; Nur Hafizah Yusoff et al., 2020; Ismail et al., 2021; Azlina Kamaruddin, 2017). Proses analisis dilakukan melalui enam fasa seperti yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006), iaitu membiasakan diri dengan data, menjana kod awal, mencari tema, menyemak tema, menentukan dan menamakan tema, dan menyediakan laporan. Jadual 1 di bawah merupakan contoh proses analisis tematik (Braun & Clarke, 2006) dengan menggunakan ATLAS. ti.

Jadual 1

Contoh Proses Analisis Tematik (Braun & Clarke, 2006) dengan Menggunakan ATLAS. ti.

Fasa	Contoh proses analisis tematik dengan menggunakan ATLAS. ti
1. Membiasakan diri dengan data	Penyelidik membiasakan diri dengan data kajian, iaitu tiga video YouTube terpilih yang sedia ada di platform Komuniti YouTube Guru-guru Malaysia. Penyelidik menonton ketiga-tiga video tersebut melalui ATLAS. ti. Ketika menonton ketiga-tiga video tersebut, penyelidik menyediakan nota pemerhatian. Di samping itu juga, penyelidik melakukan proses mentranskripsi teks audiovisual. Kemudian penyelidik membaca transkrip teks audiovisual tersebut sambil meneliti nota pemerhatian yang disediakan.

(continued)

Fasa	Contoh proses analisis tematik dengan menggunakan ATLAS. ti
2. Menjana kod awal	Penyelidik mengenal pasti dan melabel set data kajian (video YouTube terpilih, transkrip teks audiovisual dan nota pemerhatian) berdasarkan ciri-ciri menarik yang terdapat padanya. Proses pelabelan dilakukan oleh penyelidik dengan menggunakan ATLAS. ti. Menerusi proses ini, kod-kod dapat dibentuk.
3. Mencari tema	Penyelidik mengumpul dan mengelompokkan kod-kod yang berkaitan antara sama lain ke dalam tema yang berpotensi. Melalui ATLAS. ti, peta tematik dihasilkan untuk membolehkan penyelidik melihat hubungan silang antara konsep dengan tema utama dan subtema.
4. Menyemak tema	Pada fasa ini, penyelidik membuat semakan terhadap tema; sama ada tema yang sedia ada bersesuaian dengan kod-kod dan set data keseluruhan, atau tema yang sedia ada perlu digabungkan, dibahagikan, dibuang atau diubah suai. Penyelidik menggunakan nota pemerhatian dan peta tematik untuk melihat perhubungan antara tema dengan tema dan membuat jejak audit.
5. Menentukan dan menamakan tema	Penyelidik membuat analisis secara berterusan supaya dapat memperhalus pengkhususan setiap tema. Kemudian, penyelidik menentukan nama yang tepat dan jelas bagi setiap tema.
6. Menyediakan laporan	Melalui perisian ATLAS. ti, penyelidik menghasilkan laporan dokumen yang mengandungi semua item yang dianalisis, seperti petikan, kod, subtema, tema dan peta tematik. Berdasarkan laporan dokumen tersebut, penyelidik menyediakan laporan kajian secara tuntas melalui penulisan naratif.

DAPATAN KAJIAN

Tema Strategi Komunikasi Pengajaran Berpasukan Secara Maya

Berdasarkan analisis video kajian, terdapat tujuh tema utama yang telah dikenal pasti bagi menjelaskan strategi komunikasi pengajaran berpasukan secara maya yang digunakan oleh guru-guru ketika

mengendalikan sesi PdP Bahasa Melayu. Jadual 2 menunjukkan tema strategi komunikasi pengajaran berpasukan secara maya yang digunakan oleh guru SR, SMR dan SMA:

Jadual 2

Tema Strategi Komunikasi Pengajaran Berpasukan Secara Maya yang Digunakan oleh Guru SR, SMR dan SMA

Bil.	Tema	Guru		
		SR	SMR	SMA
1	Strategi membuat teguran	√	√	√
2	Strategi memohon dan memberikan bantuan	√	√	√
3	Strategi menarik perhatian pelajar	√	√	√
4	Strategi mengawal situasi	√	√	√
5	Strategi menyatakan penghargaan	√	√	√
6	Strategi pengayaan maklumat	√	√	√
7	Strategi rendah hati	√	-	-

Pola Penggunaan Strategi Komunikasi Pengajaran Berpasukan Secara Maya oleh Guru SR, SMR dan SMA

Jadual 3 menunjukkan bahawa guru SR, SMR dan SMA telah menggunakan keenam-enam tema strategi yang telah dikenal pasti, namun begitu tema strategi rendah hati tidak digunakan oleh guru SMR dan SMA, sebaliknya strategi tersebut hanya digunakan oleh guru SR. Yang menariknya, strategi rendah hati digunakan oleh guru SR dengan nada bergurau. Hal ini berlaku demikian bagi memastikan suasana ceria dan pembelajaran menyeronokkan dapat terus dikekalkan sekali gus dapat mempengaruhi minat dan sikap positif dalam kalangan para pelajar (Duta et al., 2015).

Jadual 3

Pola Tema dan Subtema Strategi Komunikasi Pengajaran Berpasukan Secara Maya yang Digunakan oleh Guru SR, SMR dan SMA Ketika Mengendalikan Sesi PdP Bahasa Melayu

Bil.	Tema	Subtema (substrategi)	Guru		
			SR	SMR	SMA
1	Strategi Membuat Teguran	Memberikan peringatan kepada guru	-	-	√
		Membuat teguran kepada pelajar	√	√	√

(continued)

Bil.	Tema	Subtema (substrategi)	Guru		
			SR	SMR	SMA
2	Strategi Memohon dan Memberikan Bantuan	Meminta bantuan daripada guru pembantu	√	√	-
		Membaca soalan yang dikemukakan oleh pelajar	√	√	√
		Sokongan bukan verbal	-	√	-
3	Strategi Menarik Perhatian Pelajar	Bergurau dengan pelajar	√	√	√
		Berinteraksi sesama guru dengan menggunakan isyarat untuk menarik perhatian pelajar	√	√	-
		Melakonkan watak pelajar	√	-	-
		Memujuk pelajar	√	√	-
		Menggunakan perkataan atau frasa atau ayat yang melambangkan kemesraan	√	√	√
		Percampuran kod	√	√	√
		Meminta dan memberikan penjelasan terhadap perkara yang berlaku	√	√	√
4	Strategi Mengawal Situasi	Meminta supaya sesi pembelajaran diteruskan	√	√	√
		Sekatan mengambil alih peranan guru	√	-	-
		Menyatakan peraturan kelas	√	√	√
		Bersama-sama memuji jawapan pelajar	√	√	√
5	Strategi Menyatakan Penghargaan	Menunjukkan isyarat bagus sebagai tanda pujian	-	-	√
		Memberikan penegasan terhadap maklumat yang telah dikemukakan	√	√	√
6	Strategi Pengayaan Maklumat	Memberikan penerangan tambahan	√	√	√
		Mengaku kekhilafan	√	-	-
7	Strategi Rendah Hati	Memohon maaf	√	-	-

PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis data kajian, terdapat tujuh tema strategi komunikasi pengajaran berpasukan secara maya yang dikenal pasti

telah digunakan oleh guru SR ketika mengendalikan PdP Bahasa Melayu. Tujuh tema tersebut ialah strategi membuat teguran, strategi memohon dan memberikan bantuan, strategi menarik perhatian pelajar, strategi mengawal situasi, strategi menyatakan penghargaan, strategi pengayaan idea dan strategi rendah hati. Untuk guru SMR dan SMA pula, hanya enam tema strategi komunikasi pengajaran berpasukan secara maya yang dikenal pasti telah digunakan oleh mereka ketika mengendalikan PdP Bahasa Melayu, iaitu strategi membuat teguran, strategi memohon dan memberikan bantuan, strategi menarik perhatian pelajar, strategi mengawal situasi, strategi menyatakan penghargaan dan strategi pengayaan idea.

Daripada ketujuh-tujuh tema strategi komunikasi yang dikenal pasti, tema strategi menarik perhatian pelajar mempunyai paling banyak subtema, iaitu sebanyak enam subtema. Melalui analisis data kajian, tema strategi menarik perhatian pelajar memainkan peranan penting dalam pengajaran berpasukan secara maya. Hal ini dikatakan demikian kerana ketika mengendalikan sesi PdP, terdapat banyak masalah komunikasi yang timbul disebabkan oleh pelbagai faktor, terutamanya masalah talian internet yang lemah. Situasi ini memerlukan guru-guru lebih kreatif dan produktif untuk menarik perhatian para pelajar supaya mereka kekal fokus terhadap sesi PdP yang dijalankan. Oleh sebab itu, strategi komunikasi seperti ini perlu digunakan oleh guru untuk mengekalkan minat pelajar dengan cara mencipta konteks dan situasi baharu dalam sesi PdP berpandukan pengalaman peribadi yang dimiliki guru (Rahmani Doqaruni, 2017).

Analisis data kajian menunjukkan bahawa setiap tema strategi komunikasi pengajaran berpasukan secara maya mempunyai subtema (substrategi) yang tersendiri. Analisis data kajian mendapati bahawa terdapat 22 subtema bagi strategi komunikasi pengajaran berpasukan secara maya. Daripada 22 subtema strategi komunikasi pengajaran berpasukan secara maya yang dikenal pasti, guru-guru SMA hanya menggunakan 12 daripadanya. Hal ini jauh berbeza berbanding dengan guru SR yang menggunakan 18 subtema yang telah dikenal pasti, manakala guru-guru SMR pula menggunakan 15 daripada 22 subtema tersebut. Oleh itu, didapati bahawa guru SMA kurang menggunakan strategi komunikasi dalam pengajaran berpasukan secara maya disebabkan pengalaman mengajar yang dimiliki mereka membolehkan mereka lebih berhati-hati semasa menggunakan

strategi komunikasi. Melalui amalan ini, prestasi guru dan peluang pembelajaran pelajar dapat ditingkatkan (Rahmani Doqaruni, 2017).

Analisis data kajian turut menunjukkan bahawa terdapat sembilan strategi komunikasi pengajaran berpasukan secara maya yang paling dominan digunakan oleh guru SR, SMR dan SMA. Strategi komunikasi tersebut ialah membuat teguran kepada pelajar, membaca soalan yang dikemukakan oleh pelajar, bergurau dengan pelajar, menggunakan perkataan atau frasa atau ayat yang melambangkan kemesraan, meminta dan memberikan penjelasan terhadap perkara yang berlaku, menyatakan peraturan kelas, bersama-sama memuji jawapan pelajar, memberikan penegasan terhadap maklumat yang telah dikemukakan, memberikan penerangan tambahan.

Sebagai contoh, strategi menggunakan perkataan atau frasa atau ayat yang melambangkan kemesraan dapat diperhatikan dalam contoh ujaran guru SR di bawah. Strategi ini melibatkan pemakaian bahasa dengan memanipulasi perkataan atau frasa atau ayat yang melambangkan kemesraan:

“Kita ni kan. Katanya budak-budak baik ni. Bahasa kita elok-elok sikit ya sayang-sayang semua. *You all.*”

Dalam ujaran di atas terdapat penggunaan perkataan “sayang-sayang”. Penggunaan perkataan “sayang” kebiasaannya digunakan dalam situasi bukan formal dalam kalangan orang yang mempunyai hubungan rapat sahaja, seperti suami dengan isteri, ibu bapa dengan anak-anak dan sebagainya. Namun begitu, dalam konteks untuk menarik perhatian pelajar, guru pembantu tersebut menggunakan perkataan “sayang-sayang” tersebut, tambahan pula perkataan “sayang” sudah terbiasa digunakan oleh guru-guru di Malaysia apabila berinteraksi dengan para pelajar.

Berdasarkan tema dan subtema yang telah dikenal pasti, ternyata terdapat persamaan dan perbezaan penggunaan strategi komunikasi pengajaran berpasukan secara maya oleh guru SR, SMR dan SMA. Penjelasan tentang persamaan dan perbezaan penggunaan strategi komunikasi pengajaran berpasukan secara maya oleh guru-guru SR, SMR dan SMA akan dijelaskan mengikut tujuh tema yang telah dikenal pasti dan contoh penggunaannya juga akan diuraikan.

Tema 1: Strategi Membuat Teguran

Tema strategi membuat teguran mempunyai dua subtema, iaitu memberikan peringatan kepada guru dan memberikan teguran kepada pelajar. Subtema memberikan peringatan kepada guru hanya digunakan oleh guru SMA, manakala subtema memberikan teguran kepada pelajar dilakukan secara langsung oleh guru SR, SMR dan SMA sewaktu sesi PdP sedang dijalankan. Hal ini dapat diperhatikan dalam contoh ujaran guru SR di bawah:

“Ok! Diingatkan semula anak-anak semua kesayangan cikgu semua. Pastikan bahasa anda jaga. Kita rakyat Malaysia penuh dengan adat budaya. Bahasa jiwa bangsa ya sayang-sayang semua. Aaa *ok* jaga bahasa ya, tak baikan. *Ok* aaa. Kesian cikgu-cikgu anda dah jaga bahasa, dah mengajar bahasa Melayukan bahasa Malaysia, bahasa jiwa bangsa....”

Dalam ujaran tersebut juga menunjukkan bahawa guru menggunakan bahasa mesra supaya peringatan yang dibuatnya dapat diterima dengan baik oleh para pelajar. Bahasa mesra tersebut ialah, “Diingatkan semula anak-anak semua kesayangan cikgu semua.” dan “Bahasa jiwa bangsa ya sayang-sayang semua.” Penggunaan bahasa mesra ini sudah sehati dengan budaya komunikasi masyarakat Malaysia. Namun begitu, penggunaan bahasa mesra secara meluas ketika sesi pembelajaran formal di dalam kelas akan menyetepikan penggunaan bahasa Melayu baku (Nur Farakhanna Mohd Rusli, 2022).

Tema 2: Strategi Memohon dan Memberikan Bantuan

Terdapat tiga subtema bagi tema strategi memohon dan memberikan bantuan, iaitu meminta bantuan daripada guru pembantu, membaca soalan yang dikemukakan oleh pelajar dan sokongan bukan verbal. Subtema membaca soalan yang dikemukakan oleh pelajar digunakan oleh guru SR, SMR dan SMA. Subtema sokongan bukan verbal hanya digunakan oleh guru SMR, manakala subtema meminta bantuan daripada guru pembantu digunakan oleh guru SR dan SMR sahaja. Contoh ujaran di bawah menjelaskan penggunaan subtema meminta bantuan daripada guru pembantu oleh guru SR:

“Cikgu mahu murid-murid beritahu cikgu apa nama binatang peliharaan kamu di rumah dan cikgu minta

pengerusi majlis tolong beritahu saya salah satu nama yang mereka namakan binatang peliharaan mereka, boleh?”

Dalam ujaran di atas, guru yang sedang mengajar telah memohon bantuan daripada guru pembantu yang bertugas sebagai pengerusi majlis. Guru tersebut meminta pengerusi majlis supaya membacakan salah satu jawapan yang ditulis oleh para pelajar. Guru tersebut membuat permohonan dengan menggunakan perkataan “tolong”. Penggunaan bahasa seperti ini dapat mempamerkan ketinggian dan kehalusan budi pekerti serta mampu membentuk para pelajar menjadi “orang yang budiman”. Menurut Hashim Hj. Musa et al. (2012), orang yang budiman ialah orang yang mempunyai budi pekerti dan adab sopan yang mulia.

Tema 3: Strategi Menarik Perhatian Pelajar

Kebanyakan subtema untuk tema strategi komunikasi ini digunakan oleh guru SR, SMR dan SMA, contohnya ialah subtema bergurau dengan pelajar. Hal ini dapat diperhatikan dalam dialog guru SR di bawah:

MODERATOR: Ada rotan Cikgu? Siapa yang lambat tu kita piat dia cikgu!”

GURU: Rotan pen sahaja (*sambil tersenyum dan ketawa*).

Dialog di atas merupakan satu contoh situasi guru-guru cuba bergurau dengan para pelajar. Ujaran “Siapa yang lambat tu kita *piat* dia cikgu!” bukanlah satu arahan yang betul yang perlu dilaksanakan oleh guru. Jawapan balas daripada guru “Rotan pen sahaja” diiringi dengan ketawa secara jelas menunjukkan bahawa kedua-dua guru tersebut bergurau dengan para pelajar. Gurauan tersebut dibuat bertujuan menarik perhatian dan memberikan rangsangan kepada para pelajar supaya mereka membaca dan menjawab soalan dengan pantas. Cara berkomunikasi seperti ini secara tidak langsung akan menceriakan suasana pembelajaran dan menghilangkan tekanan yang dihadapi oleh guru dan para pelajar. Dapatan kajian lepas juga mendapati bahawa unsur gurauan dalam sesi PdP mampu meningkatkan metakognisi para pelajar dan menjadikan mereka lebih peka terhadap isi pelajaran (Dorambari, 2022).

Berpandukan analisis data kajian, subtema melakonkan watak pelajar hanya digunakan oleh guru SR. Subtema memujuk pelajar pula hanya digunakan oleh guru SR dan SMR. Sama juga halnya dengan subtema berinteraksi sesama guru dengan menggunakan isyarat untuk menarik perhatian pelajar digunakan oleh guru SR dan SMR sahaja.

Tema 4: Strategi Mengawal Situasi

Untuk tema strategi mengawal situasi, terdapat empat subtema bagi strategi ini, iaitu meminta dan memberikan penjelasan terhadap perkara yang berlaku, meminta supaya sesi pembelajaran diteruskan, sekatan mengambil alih peranan guru dan menyatakan peraturan kelas. Analisis data kajian menunjukkan bahawa guru SR, SMR dan SMA memilih untuk menggunakan subtema meminta dan memberikan penjelasan terhadap perkara yang berlaku dan subtema menyatakan peraturan kelas dalam sesi PdP mereka, manakala subtema meminta supaya sesi pembelajaran diteruskan digunakan oleh guru SR dan SMR sahaja. Halnya lain dengan subtema sekatan yang mengambil alih peranan guru kerana subtema ini hanya digunakan oleh guru SR.

Analisis data kajian menunjukkan bahawa strategi sekatan mengambil alih peranan guru digunakan oleh guru SR bertujuan untuk memastikan guru pembantu tidak terlanjur mengambil alih peranan guru. Contohnya dapat diteliti dalam dialog berikut:

MODERATOR: Betul tak Saripah? Yeay! Nampaknya pandai! *Ok*, betul-betul (*sambil menepuk tangan*).

GURU: Nanti. Nanti saya akan beritahu jawapan selepas ini.

MODERATOR: Aaa pandai-pandai pulak saya kata. *Ok*.

Berdasarkan konteks dialog di atas, pada awalnya guru yang mengajar telah meminta guru pembantu membacakan satu daripada jawapan yang telah dihasilkan oleh pelajar. Guru pembantu tersebut telah memilih satu jawapan dan membacakannya kepada khalayak. Namun begitu, guru pembantu terus memberikan keputusan bagi jawapan pelajar tersebut. Lantas guru yang mengajar cuba mengawal situasi dengan menyatakan “Nanti saya akan beritahu jawapan selepas ini.” Guru pembantu menyedari kesilapannya, lalu beliau berkata “Aaa pandai-pandai pulak saya kata. *Ok*.” Strategi mengawal situasi ini sangat penting dikuasai oleh guru-guru kerana dapatan kajian

terbaharu mendapati bahawa salah satu kesukaran yang dihadapi oleh guru-guru ketika mengendalikan sesi PdP dalam talian ialah mereka tidak dapat mengawal situasi kelas dengan baik dan tidak dapat mengelak gangguan luar. (Al-Shlowiy, A., 2022; Kebritchi et al., 2017).

Tema 5: Strategi Menyatakan Penghargaan

Untuk tema strategi menyatakan penghargaan, terdapat dua subtema. Dalam tema strategi ini, subtema menunjukkan isyarat bagus sebagai tanda pujian hanya digunakan oleh guru SMA, manakala subtema bersama-sama memuji jawapan pelajar digunakan oleh guru SR, SMR dan SMA. Contoh penggunaan subtema bersama-sama memuji jawapan pelajar boleh diperhatikan dalam dialog guru SMA di bawah:

MODERATOR: *Handsome* Chai ni pun sama jawab macam jawapan yang Cikgu Shima bagi. Isu, mata pelajaran sejarah yang belajar di sekolah, kata tugas, jelaskan, kehendak soalan, kepentingan. *Handsome* Chai.

GURU: *Handsome* Chai, memang! Tahniah!

Melalui strategi ini, penghargaan kepada pelajar dapat diberikan oleh guru secara saksama. Sekiranya guru yang mengajar tidak sempat atau terlepas pandang untuk memberikan penghargaan kepada para pelajar, maka guru-guru pembantu dapat melaksanakan strategi ini. Strategi menyatakan penghargaan kepada para pelajar dalam bentuk pujian sebenarnya dapat memberikan pengaruh yang positif dalam pembelajaran sendiri pelajar dan mampu meningkat motivasi, efikasi sendiri dan pencapaian mereka (Guo et al., 2019).

Tema 6: Strategi Pengayaan Maklumat

Tema strategi keenam ini mempunyai dua subtema. Subtema memberikan penerangan tambahan secara bertulis hanya digunakan oleh guru SR dan subtema memberikan penegasan terhadap maklumat yang telah dikemukakan digunakan oleh guru SR, SMR dan SMA. Analisis data kajian mendapati bahawa strategi memberikan penegasan terhadap maklumat dapat dilaksanakan dalam dua situasi. Situasi pertama ialah guru membuat penegasan terhadap maklumat yang diberikan oleh guru pembantu, manakala situasi kedua ialah

guru pembantu yang membuat peneguhan terhadap maklumat yang diberikan oleh guru. Dialog guru SMR di bawah dapat menjelaskan situasi tersebut:

GURU: *Ok*, rumusan membincangkan tentang itu memang kesalahan tatabahasa yang ketara.

MODERATOR: Mmm (*mengiakan*).

GURU: Sebabnya kamu dah menggunakan Mem...-kan di situ, *so* tak boleh letak tentang. *Ok*?

MODERATOR: Tak perlu masukkan tentang.

GURU: Aaa, tak perlu! Itu merugikan bilangan patah perkataan. Dahlah salah. Kamu pergi tulis pulak ia menambahkan bilangan patah perkataan kamu...

Berdasarkan dialog di atas, ujaran “tak perlu masukkan tentang” yang diujarkan oleh moderator merupakan peneguhan terhadap maklumat yang diberikan oleh guru, iaitu “... *so* tak boleh letak tentang.” Peneguhan yang dibuat oleh moderator kemudian dipersetujui oleh guru dengan penerangan yang lebih mendalam seperti berikut “Aaa, tak perlu! Itu merugikan bilangan patah perkataan. Dahlah salah. Kamu pergi tulis pulak ia menambahkan bilangan patah perkataan kamu...”

Tema 7: Strategi Rendah Hati

Yang terakhir sekali ialah tema strategi rendah hati. Tema strategi ini mempunyai dua subtema dan digunakan oleh guru SR sahaja. Dua subtema tersebut ialah mengaku kekhilafannya dan memohon maaf. Ujaran yang dituturkan oleh guru SR di bawah mempamerkan strategi mengaku kekhilafan dalam pengajaran berpasukan secara maya:

“*So* di atas tu siapa agaknya, eh di atas pulak. Haa *ok* silap saya pulakan. *Ok*. *So* tu. Eh, sana! Siapa tu? Si Cantik Manis...”

Berdasarkan ujaran ini, guru SR tersebut mengaku kekhilafan secara lisan dengan mengatakan “Haa *ok* silap saya pulakan.” Selain itu, mengukir senyuman juga merupakan sebahagian daripada strategi mengaku kekhilafan. Hal ini dapat diperhatikan dalam Rajah 2.

Rajah 2

Guru Mengukir Senyuman Selepas Mengaku Kekhilafan



Berdasarkan konteks Rajah 2, kedua-dua guru sedang mengukir senyuman. Guru yang bertudung kuning keputih-putihan tersenyum selepas mengaku kekhilafan, “Eh huruf besar. Cikgu tersasul lagi.” Analisis data kajian juga menunjukkan bahawa memohon maaf merupakan strategi komunikasi rendah hati yang dilakukan oleh guru-guru apabila mereka melakukan kekhilafan. Namun begitu, tidak semua guru menggunakan strategi ini apabila melakukan kekhilafan, sebaliknya mereka hanya mengukir senyuman sebagai tanda mengaku kekhilafan seperti yang telah diterangkan pada perbincangan di atas. Ujaran guru SR di bawah mempamerkan strategi memohon maaf:

“Amboi, maafkan cikgu ya murid-murid semua! Ha, Ampunkanlah saya penunggu gua!”

Ujaran di atas menunjukkan bahawa strategi memohon maaf yang dilakukan oleh guru-guru ketika mengajar secara maya menggunakan kata “maaf” seperti ujaran “Kemudian contoh restoren (salah sebut). Restoranlah. Cikgu minta maaf. Restoran kata nama...”. Permohonan maaf ini dibuat bertujuan untuk menebus kesalahan, memulihkan dan membetulkan keadaan, membebaskan seseorang daripada kesalahan yang telah dilakukan itu dan menjaga air muka pendengar (Maslida Yusof et al., 2011). Sehubungan itu, strategi memohon maaf wajar

diamalkan oleh guru-guru dalam pengajaran berpasukan secara maya meskipun strategi ini memberikan ancaman air muka kepada guru-guru. Hal ini dikatakan demikian budaya memohon maaf dapat mendidik para pelajar menjadi insan yang berjiwa besar dan berfikiran terbuka. Penggunaan perkataan “minta maaf” juga merupakan sebahagian daripada kesantunan berbahasa untuk menjaga air muka. Amalan kesantunan berbahasa ini dapat memberikan kesan yang positif bagi membentuk para pelajar yang berbudi bahasa dan amalan ini perlu ditekankan ketika berkomunikasi (Ahmad Fuad Mat Hassan et al., 2020).

KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis tema strategi pengajaran berpasukan secara maya bagi mata pelajaran Bahasa Melayu serta menjelaskan pola penggunaannya dalam kalangan guru SR, SMR dan SMA. Hasil kajian menunjukkan terdapat tujuh tema strategi komunikasi pengajaran berpasukan secara maya yang dipraktikkan oleh guru-guru ketika mengendalikan sesi PdP Bahasa Melayu. Setiap tema strategi komunikasi mempunyai subtema atau substrategi yang tersendiri. Terdapat sembilan strategi komunikasi pengajaran berpasukan secara maya yang paling dominan. Di samping itu, terdapat beberapa strategi yang hanya digunakan oleh guru tertentu. Strategi melakonkan watak pelajar dan sekatan mengambil alih peranan guru hanya digunakan oleh guru SR. Strategi sokongan bukan verbal pula hanya digunakan oleh guru SMR, manakala strategi memberikan peringatan kepada guru dan menunjukkan isyarat bagus sebagai tanda pujian digunakan oleh guru SMA sahaja. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa pengaplikasian strategi komunikasi tersebut dapat membantu guru-guru berkomunikasi dengan teratur sekali gus dapat menjayakan sesi PdP yang dilaksanakan secara berpasukan menerusi maya.

Kajian ini mengesyorkan supaya kajian perbandingan dilakukan bagi melihat perbezaan dan persamaan antara strategi komunikasi pengajaran berpasukan secara maya dengan strategi komunikasi pengajaran berpasukan secara bersemuka dalam bilik darjah bagi sesi PdP bahasa. Selain itu, dicadangkan juga agar kajian tentang strategi komunikasi pengajaran berpasukan secara maya dapat dikembangkan merangkumi pelbagai mata pelajaran dengan mengambil data

daripada pelbagai medium dan media sosial, seperti saluran televisyen pendidikan, *Facebook Live* dan lain-lain. Tambahan pula, kajian kaedah gabungan juga boleh dilakukan dengan melibatkan triangulasi data kajian, seperti rakaman video, gambar, catatan pemerhatian, dokumen, data statistik dan transkrip temu duga.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini tidak menerima geran khusus daripada mana-mana agensi, sama ada agensi kerajaan atau agensi swasta. Tiada potensi konflik kepentingan seperti yang dilaporkan oleh penulis.

RUJUKAN

- Ahmad Fuad Mat Hassan, Khairul Faiz Alimi, Hishamudin Isam & Mashetoh Abd Mutalib. (2020). Amalan kesantunan berbahasa dalam komunikasi formal dan tidak formal dalam kalangan pelajar Universiti. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(4), 410-427.
- Ahmed, S., & Pawar, S. V. (2018). A study of communication strategies employed by Radfan College EFL students in their classroom interactions. *New Academia: An International Journal of English Language, Literature and Literary Theory*, 8(3), 163-176.
- Alhamami, M. (2013). Observation of YouTube language learning videos. *Teaching English with Technology*, 13(3), 3-17.
- Al-Shlowiy, A. (2022). Teachers' reflection of students' engagement in online language learning: Multi-case study. *International Journal of Educational Methodology*, 8(2), 285-295. <https://doi.org/10.12973/ijem.8.2.285>
- Arxé, E. A., Comallonga, L., Sala, M., & Galera, M. (2020). Co-teaching to foster classroom interactional competence (CIC): How can co-teaching benefit classroom interactional competence? *CLIL. Journal of Innovation and Research in Plurilingual and Pluricultural Education*, 3(1), 35-43.
- Ashinida Aladdin. (2012). Analisis penggunaan strategi komunikasi dalam komunikasi lisan Bahasa Arab. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 12(2), 645-666.

- Azlina Kamaruddin. (2017). Analisis kualitatif terhadap faktor kegagalan komunikasi pembujukan dalam konteks pengucapan awam. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 33(3), 89-106.
- Baeten, M., & Simons, M. (2014). Student teachers' team teaching: Models, effects, and conditions for implementation. *Teaching and Teacher Education*, 41, 92-110.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3, 77-101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Brown, H. D. (1994). *Principles of language learning and teaching*. Englewood Cliffs, N. J.: Prentice Hall Regents.
- Canaran, Ö., & Mirici, İ. H. (2020). A new model of team teaching for teacher professional development: A case study of in-service english teachers. *Egitim ve Bilim*, 45(201), 247-271.
- Cohen, A. (2004). Assessing speech acts in a second language. Dalam Boxer, D., & Cohen, A. D. (Eds.), *Studying speaking to inform second language learning* (hlm. 302-327). Clevedon, England: Multilingual Matters.
- Danjou, P. E. (2020). Distance teaching of organic chemistry tutorials during the COVID-19 pandemic: Focus on the use of videos and social media. *Journal of Chemical Education*, 97(9), 3168-3171.
- Dellicarpini, M. (2018). Administrative issues in collaborative teaching. *The TESOL Encyclopedia of English Language Teaching*, 1, 1-9.
- Dorambari, D. (2022). Investigating the effects of instructional humor in multimedia learning when humor pre-disposition, prior-knowledge, and working memory are controlled. *International Journal of Education and Practice*, 10(2), 182-203.
- Dörnyei, Z. (1995). On the teachability of communication strategies. *TESOL Quarterly*, 29(1), 55-58.
- Duta, N., Panisoara, G., & Panisoara, I. O. (2015). The Effective Communication in Teaching. Diagnostic study regarding the academic learning motivation to students. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 186, 1007-1012.
- Faerch, C., & Kasper, G. (1983). Plans and Strategies in Foreign Language Communication. Dalam C. Faerch, & G. Kasper (Eds.), *Strategies in Interlanguage Communication* (hlm. 20-60). Longman.
- Frejd, P., & Muhrman, K. (2020). Is the mathematics classroom a suitable learning space for making workplace mathematics

- visible?—An analysis of a subject integrated team-teaching approach applied in different learning spaces. *Journal of Vocational Education & Training*, 1-19. <https://doi.org/10.1080/13636820.2020.1760337>
- Garcés, A. Y. C., & Olivera, S. F. L. (2014). Communication strategies used by pre-service English teachers of different proficiency levels. *How Journal*, 21(1), 10-25.
- Guo, W., Lau, K. L., & Wei, J. (2019). Teacher feedback and students' self-regulated learning in mathematics: A comparison between a high-achieving and a low-achieving secondary schools. *Studies in Educational Evaluation*, 63, 48-58. <https://doi.org/10.1016/j.stueduc.2019.07.001>
- Hashim Hj. Musa, Normahdiah Sheik Said, Rozita Che Rodi & Siti Sarah Ab Karim. (2012). Hati budi Melayu: Kajian keperibadian sosial Melayu ke arah penjanaan Melayu gemilang. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 12(1), 163-182.
- Ismail, M. J., Hamuzan, H. A., & Maarof, N. H. (2021). Meneroka tingkah laku unik pelajar pintar cerdas berbakat akademik. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 18(2), 301-328. <https://doi.org/10.32890/mjli2021.18.2.11>
- Kebritchi, M., Lipschuetz, A., & Santiago, L. (2017). Issues and challenges for teaching successful online course in higher education: A literature review. *Journal of Educational Technology Systems*, 46(1), 4–29. <https://doi.org/10.1177/0047239516661713>
- Kellehear, A. (2020). *The unobtrusive researcher: A guide to methods*. Routledge.
- Khadijah Alavi, Maizatul Haizan, Mahbob Mohammad & Syahrul Azha Soood. (2020). Strategi komunikasi penjenayah cinta siber terhadap wanita profesional. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(3), 296-311.
- Khan, A., Khan, S., Zia-Ul-Islam, S., & Khan, M. (2017). Communication skills of a teacher and its role in the development of the students' academic success. *Journal of Education and Practice*, 8(1), 18-21.
- Krishnan, I. A., Ramalingam, S. J., Ching, H. S., & Maruthai, E. (2018). The functions of communication strategies: An analysis of chinese EFL learners' transactional practice. *Journal of Language and Communication*, 5(2), 151-159.
- Lee, R. M. (2019). Unobtrusive methods. Dalam P. Liamputtong (Ed.), *Handbook of research methods in health social sciences* (hlm. 491-506). Singapore: Springer Nature Singapore Pte Ltd.

- Letterman, M., & Dugan, K. (2004). Team teaching a cross-disciplinary honors course: Preparation and development. *College Teaching*, 52(2), 76-79.
- Maslida Yusof, Marlyna Maros & Muhammad Fadzeli Jaafar. (2011). Oops.. Maaf: Strategi kesopanan dan penebus kesalahan. *Jurnal Melayu*, 8, 27-50
- Mateu Mateus. (2020) *M. A contribution to unobtrusive video-based measurement of respiratory signals*. (Unpublished doctoral dissertation). <http://hdl.handle.net/2117/334684>
- McKenzie, S., Hains-Wesson, R., Bangay, S., & Bowtell, G. (2020). A team-teaching approach for blended learning: An experiment. *Studies in Higher Education*, 1-15. <https://doi.org/10.1080/03075079.2020.1817887>
- Mohd Faizal Kasmani, Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Rozita Abdullah, Nornajihan Jaafar & Nor Zulaili Mohd Ghazali. (2019). Tindak tutur perbualan bersama golongan Badwi dan Ansar: Analisa Strategi Komunikasi Rasulullah. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(3), 334-352.
- Murawski, W. (2019). *Successful co-teaching. Council for exceptional children: Need to know*. Arlington, VA.
- Ng, M. L. (2015). Difficulties with team teaching in Hong Kong kindergartens. *ELT Journal*, 69(2), 188-197.
- Nur Farakhanna Mohd Rusli. (2022). Hubungan kait antara kesalahan ejaan murid dengan ragam bahasa dalam ujaran guru. *E-Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 4(1), 58-74. <https://doi.org/10.53840/ejbl.v4i1.99>
- Nur Hafizah Yusoff, Zurinah Tahir, Novel Lyndon, Norhafizah Abu Hasan, Yuza Haiqal Mohd Yunus. (2020). Wanita dan e-Sukan di Malaysia: Sosialisasi dan stereotaip gender. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication Jilid*, 36(4), 442-457.
- Pearce, D. R. (2019). Team teaching and team learning: SSM applied to the team-taught classroom. Dalam *A systems approach to language pedagogy* (hlm. 99-119). Springer: Singapore.
- Pushparani. (2015). *Strategi komunikasi dalam pembelajaran sains di Sekolah Rendah Tamil*. (Tesis Sarjana). <http://studentsrepo.um.edu.my/5983/>
- Rahmani Doqaruni, V. (2017). Communication strategies in experienced vs. inexperienced teachers' talk: A sign of transformation in teacher cognition. *Innovation in Language Learning and Teaching*, 11(1), 17-31.

- Rao, Z., & Chen, H. (2020). Teachers' perceptions of difficulties in team teaching between local-and native-English-speaking teachers in EFL teaching. *Journal of Multilingual and Multicultural Development*, 41(4), 333-347.
- Rastegar Kazerooni, A., Amini, M., Tabari, P., & Moosavi, M. (2020). Peer mentoring for medical students during the COVID-19 pandemic via a social media platform. *Medical Education*, 54(8), 762-763.
- Rohaidah Mashudi, Ahmad Mahmood Musanif, Adi Yasran Abdul Aziz, Hasnah Mohamad (2013). Faktor kesopanan dan strategi komunikasi dalam genre perbincangan di televisyen. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 13(3), 163-178.
- Rozita Che Omar & Jagdish Kaur. (2017). Penggunaan Strategi Komunikasi dalam rutin perundingan makna. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 17(1), 203-222.
- S. Maartandan Suppiah, Wong Xuang Ling, Paul Gnanaselvam Pakirathan, & Mohd Khairie Ahmad (2021). Meneroka pengaruh komunikasi kepemimpinan terhadap kepuasan kerja dalam kalangan kakitangan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 37(2), 130-153.
- Sazwani Suhaimi, Noor Shah Saad & Sazelli Ab Ghani. (2013). Tinjauan tentang amalan komunikasi guru Matematik sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 3(1), 12-24.
- Scribner-MacLean, M., & Miller, H. (2011). Strategies for success for online co-teaching. *MERLOT Journal of Online Learning and Teaching*, 7(3). <https://uml.dspace.org/handle/11318/86>
- Simons, M., Baeten, M., & Vanhees, C. (2020). Team teaching during field experiences in teacher education: Investigating student teachers' experiences with parallel and sequential teaching. *Journal of Teacher Education*, 71(1), 24-40.
- Tarone, E. (1981). Some thoughts on the notion of communication strategy. *TESOL Quarterly*, 15(3), 285-295.
- Walsh, T. (2020). 'Promoted widely but not valued': Teachers' perceptions of team teaching as a form of professional development in post-primary schools in Ireland. *Professional Development in Education*, 1-17. <https://doi.org/10.1080/19415257.2020.1725596>
- Zulkifley Hamid, Naidatul Zamrizam Abu & Asyraf Zulkifley. (2015). Strategi komunikasi dalam kalangan murid pelbagai etnik. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(1), 171-186.